

# Tun M yakin dasar automotif lindungi Proton

**P**UTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Kabinet akan mengambil kira matlamat asal pemberian Permit Import (AP) ketika menggubal Dasar Automotif Negara yang akan diumumkan bulan depan.

Bekas Perdana Menteri berkata, kedudukan Proton sebagai kereta nasional juga sudah pasti turut diambil kira kerana Proton adalah sebahagian daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Saya amat yakin Kabinet akan mengambil kira tujuan asal AP yang boleh meneruskan dasar ekonomi. Pada masa sama Proton adalah sebahagian DEB.

"Mesti ada keseimbangan," katanya tetapi enggan mengulas lanjut ketika ditemui *Berita Harian* di pejabatnya di Yayasan Kepemimpinan Perdana di sini, semalam.

Ini adalah kali pertama Dr Mahathir yang juga Penasihat Proton mengulas mengenai isu berkaitan AP sejak Kabinet membuat keputusan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menggubal Dasar Automotif Negara, pada Rabu minggu lalu.

Kenyataan akhbar Pejabat Perdana Menteri minggu lalu antara lain menyatakan bahawa Kabinet berpendapat ada kelemahan dalam dasar AP sedia ada yang memerlukan penilaian semula.

Hasil penilaian akan diambil kira dalam Dasar Automotif Negara yang akan diumumkan.